

Mahaleel tidak setuju kontrak baru

UM 27 JUL 2005

KUALA LUMPUR 26 Julai – Penasihat Proton Holdings Bhd. Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan, kontrak Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff tidak diperbaharui oleh Lembaga Pengarah syarikat kerana Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) itu tidak bersetuju dengan syarat kontraknya yang baru.

Bekas Perdana Menteri berkata, Tengku Mahaleel enggan menandatangani kontrak baru kerana syarat-syarat dalam kontrak selama dua tahun itu tidak memuaskan berbanding syaratnya sendiri.

“Nampaknya, tidak ada kesediaan untuk menimbang pandangan Mahaleel, jadi beliau enggan menandatangani (kontrak itu) dan pihak lembaga pengarah mengambil keputusan untuk tidak memperbaharui kontraknya,” katanya.

Dr. Mahathir bagaimanapun menyatakan tidak terkejut dengan keputusan Lembaga Pengarah Proton itu kerana beliau telah lama mengesyakinya. Ia lebih ketara selepas kenyataan yang dibuat oleh Tengku Mahaleel mengenai Proton dan dasar automotif negara yang disiarkan oleh sebuah akhbar berbahasa Cina.

Dalam nada sinis Dr. Mahathir berkata: “Ia boleh menjadi sebab yang kukuh untuk menyingkirkan beliau. Saya membuat kesilapan dengan menyokong beliau, tetapi beliau tidak disingkirkan atas dasar itu. “Tetapi sekarang, asasnya cukup baik, tiada cacat cela langsung, amat sah serta mengikut perlembagaan dan undang-undang negara.”

Perkhidmatan

Bercakap pada satu sidang akhbar di Menara Berkembar Petronas hari ini, beliau menambah, kebolehan Tengku Mahaleel mengendalikan Proton juga terkongkong selepas beliau disingkirkan daripada jawatan-jawatan lain termasuk pengerusi anak-anak syarikat utama Proton. Tengku Mahaleel yang menyertai Proton pada 1996 dan dilantik sebagai CEO pada 1 April 1997.

Menurut Dr. Mahathir, beliau dimaklumkan melalui telefon semalam oleh Pengerusi Proton, Datuk Mohamed Azlan Hashim, tentang keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah untuk menamatkan tempoh perkhidmatan Tengku Mahaleel.

Beliau juga, katanya, turut menerima satu salinan kenyataan akhbar yang dibuat oleh lembaga itu pagi ini.

Dr. Mahathir berkata, CEO Proton sebelum ini, Datuk Mohd. Nadzmi Salleh, telah diberi ganjaran sebanyak RM1 juta sebagai penghargaan selepas menerajui Proton selama tiga tahun.

Bagaimanapun, dalam kes Tengku Mahaleel, Pengerusi Proton menyatakan apa yang berlaku sebelum ini bukan urusannya.

“Macam Mahaleel mungkin dia patut dibayar lebih kerana menjalankan tugas dengan baik, tapi saya tak harap saya dibayar dengan tinggi kerana lihatlah terhadap apa yang saya buat selama ini semasa jadi Perdana Menteri – saya belanja sehingga kerajaan tiada duit,” ujar beliau, sinis.

“Kenapa dia (Mahaleel) menolak? Kerana dia dakwa tawaran yang diberikan lebih rendah seperti hendak menyingkirkannya.

“Kalau kakitangan kerajaan, apabila dilanjutkan kontrak setelah bertahun-tahun bertugas, dia akan dapat kenaikan,” katanya.

Namun, kata Dr. Mahathir, senario yang sama turut berlaku di kebanyakan syarikat automotif di seluruh dunia apabila CEO syarikat kereta dipecat disebabkan syarikat berkenaan gagal mencatat keuntungan atau harga saham yang jatuh.

“Tetapi saya tidak tahu sama ada Mahaleel telah gagal. Ini kerana di bawah Mahaleel, walaupun bersaing dengan AP, Proton mencatat keuntungan dengan wang terkumpul berjumlah lebih RM4 bilion, malah, Proton telah menggunakan RM1.8 bilion untuk membina kilang di Tanjung Malim tanpa meminjam dari luar dan tanpa meminta bantuan kerajaan.

“Saya tak tahulah kalau itu dianggap sebagai kegagalan, biarlah anda (media) membuat andaian,” jelas beliau.

Beliau yang kelihatan berhati-hati ketika membuat kenyataan berkata: “Mengenai isu ini,

saya kena baca nota yang saya tulis, jika saya salah cakap saya akan kena saman. Saya juga boleh kena seperti Tengku Mahaleel, mungkin kerana salah kenyataan atau komunikasi. Saya kena berhati-hati.”

Dr. Mahathir berkata, semasa beliau menjawat jawatan Perdana Menteri, Proton telah membangunkan agenda bumiputera dengan mewujudkan vendor dan sebagainya yang diarahkan oleh kerajaan.

Tetapi katanya, jika mahukan Proton dengan harga murah untuk kekal berdaya saing, adalah lebih baik Proton membeli komponen daripada negara luar seperti China yang mungkin jauh lebih murah.

“Jadi dengan itu barulah Proton boleh bersaing secara sama paras,” kata beliau menambah kereta asing tidak membangunkan vendor bumiputera seperti Proton.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan orang asing menerajui Proton selepas ini kerana banyak CEO asing dalam industri automotif yang kelihatan berjaya.

“Mungkin orang asing dalam Proton. Sebenarnya, rakyat Malaysia tak layak dan mungkin kita patut dapatkan orang asing, termasuk dalam pentadbiran, mungkin juga tadbir negara kerana dia (orang asing) ada otak,” kata beliau.